

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT DATUK MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**PERASMIAN BENGKEL PENGGUNAAN STANDARD BERSAMA
KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN PUSAT
SERTA PERSATUAN PERDAGANGAN**

***[DISAMPAIKAN OLEH
YANG BERHORMAT DATUK DR. ABU BAKAR MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI]***

**HOTEL MARIOTT PUTRAJAYA
SELASA, 29 SEPT 2015**

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATUK MUSTAFA MANSUR
Pengerusi Majlis Standard Dan Akreditasi Malaysia

YANG BERUSAHA SARINDER KUMARI
Pengarah SRI-CSL, PEMANDU

YANG BERBAHAGIA DATUK FADILAH BAHARIN
Ketua Pengarah Standards Malaysia

Pegawai-pegawai kanan Agensi Pusat serta Kementerian

Wakil Persatuan-persatuan Perdagangan

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati

Salam 1 Malaysia

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan ucapan maaf daripada YB Datuk Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang tidak dapat hadir bersama kita kerana beliau berada di New York bersama dengan delegasi YAB Perdana Menteri.

2. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Standards Malaysia atas inisiatif menganjurkan **Bengkel Penggunaan Standard Bersama Kementerian dan Agensi Pusat serta Persatuan Perdagangan** ini. Bengkel ini amat penting dalam usaha Kerajaan dan juga MOSTI melalui Standards Malaysia meningkatkan penggunaan dan juga pematuhan standard di kalangan semua rakyat Malaysia.

3. Seperti mana kita sedia maklum, Kerajaan telah menubuhkan Standards Malaysia 19 tahun yang lalu, iaitu pada tahun 2006 dengan dua mandat khusus, iaitu **meningkatkan kualiti hidup rakyat serta daya saing produk dan perkhidmatan negara, melalui pembangunan dan penggunaan standard.**

4. Dalam hubungan ini, sukacita saya memaklumkan bahawa **sehingga 31 Ogos 2015 sebanyak 6,164 standard telah dibangun, meliputi 25 sektor, termasuk halal, pertanian, pembinaan, ICT, elektronik dan makanan.** Pada masa yang sama, bilangan standard yang dirujuk di dalam Akta/Peraturan Kerajaan iaitu **standard mandatori telah meningkat kepada sebanyak 440.**

5. Seperti mana kita semua sedia maklum, **standard dapat digunakan sebagai kayu pengukur untuk memastikan sesuatu produk dan perkhidmatan itu selamat, berkualiti dan mematuhi kehendak pengguna.** Sebagai contoh, **standard MS 1500 bagi makanan halal** memastikan produk tersebut selamat dan halal untuk dimakan oleh pengguna islam, manakala **standard MS 1514 – Good Manufacturing Practice (GMP)** memberikan keyakinan kepada pengguna bahawa penghasilan produk makanan tersebut mengambilkira faktor kebersihan dan keselamatan.

6. **Kepada pengusaha atau industri, standard dapat membantu meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi, menguruskan sisa-sisa buangan dengan baik, mengurangkan kejadian ketidakpatuhan dan insiden kemalangan.** Pematuhan kepada standard juga memastikan produk dan perkhidmatan mereka mematuhi keperluan pelanggan di pasaran domestik dan membuka peluang untuk meneroka pasaran antarabangsa.

7. **Kepada negara pula, standard dapat membantu Kerajaan melaksanakan tanggungjawab dan komitmen untuk melindungi negara dan rakyat dalam pelbagai perkara seperti melindungi keselamatan dan menjamin kesihatan** melalui penguatkuasaan undang-undang dan pembangunan infrastruktur yang mematuhi standard kebangsaan dan antarabangsa.

8. **Pematuhan kepada standard juga membantu Kerajaan untuk meningkatkan daya saing Negara melalui penghasilan produk dan perkhidmatan yang berkualiti** selain meningkatkan mutu penyelidikan, pengkomersilan dan pengantarabangsaan teknologi

tempatan. Kerajaan juga boleh **melindungi alam sekitar** melalui program-program galakan menggunakan produk hijau yang mematuhi standard-standard berkaitan..

9. Justeru, jelas kepada kita bahawa **pematuhan dan penggunaan standard tidak harus dilihat dari segi bagaimana ianya mengikat kita kepada undang-undang, peraturan serta spesifikasi tertentu**, sebaliknya **harus dilihat dari segi faedah yang diperolehi** dari segi pematuhan dan penggunaan standard itu.

Hadirin sekalian,

10. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh DatoqKP sebentar tadi, **Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pegawai-pegawai Kementerian dan Agensi Kerajaan Pusat** mengenai peranan masing-masing dalam usaha **meningkatkan kepatuhan kepada standard, terutama melalui sistem perolehan Kerajaan**

11. Dalam hubungan ini, MOSTI menyambut baik langkah Agensi Pusat, khususnya Kementerian Kewangan yang memasukkan **peruntukan khas, dalam Pekeliling Perbendaharaan, berkaitan perolehan bahan/barangan tempatan yang berasaskan Standard Malaysia (MS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia (JSM) berkuatkuasa 3 Julai 2015.**

12. Selain itu, kita semua sedia maklum bahawa Kerajaan telah menyediakan **pelbagai bantuan dan insentif, secara langsung dan juga tidak langsung, untuk meningkatkan pematuhan dan penggunaan standard.** Sehubungan itu, saya berharap Bengkel ini dapat juga **menilai keberkesanan insentif-insentif tersebut** dengan

harapan untuk penambahbaikan bagi mencapai hasrat dan objektif asal pemberian insentif tersebut.

13. Saya juga berharap Bengkel ini dapat meningkatkan kefahaman peserta mengenai **isu dan cabaran berhubung standard dalam perdagangan antarabangsa**. Standard menjadi semakin penting dalam perdagangan antarabangsa kerana **sungguhpun pengharmonian standard boleh memudahkan perdagangan, standard juga boleh digunakan sebagai halangan bukan tarif (*non-tariff barriers*) bagi mengawal saingan harga**.

14. Kefahaman mengenai perkara ini penting bukan sahaja untuk **memastikan kepentingan semua pihak diambil kira dalam proses rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA)** yang sedang berjalan tetapi juga dalam pelaksanaan FTA yang telah ditandatangani sebelum ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

15. **Salah satu cabaran yang dihadapi oleh negara-negara membangun ialah kurangnya kesedaran mengenai kepentingan dan faedah standard**. Walaupun usaha telah dijalankan untuk melibatkan kesemua *stakeholder* dalam aktiviti standardisasi, saya dimaklumkan bahawa tahap penglibatan pihak swasta perlu ditingkatkan.

16. Menyedari **tahap penggunaan standards yang masih rendah di kalangan industri di Malaysia, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS)**, Kerajaan akan terus menggiatkan usaha menggalakkan penggunaan standards oleh syarikat-syarikat tempatan. Saya dimaklumkan bahawa **sehingga suku tahun kedua 2015, hanya**

3.3% pensijilan yang didaftarkan di bawah badan pensijilan yang diakreditasi oleh Standards Malaysia terdiri dari PKS sedangkan terdapat lebih daripada 600,000 syarikat PKS yang berdaftar dengan SME Corporation Malaysia.

17. Penemuan **kajian di negara-negara maju seperti Australia, Canada, France, Germany dan United Kingdom mengenai implikasi standard kepada ekonomi negara** membuktikan bahawa **pematuhan kepada standard menyumbang kepada keuntungan syarikat.**

18. Bahkan saya dimaklumkan bahawa **di negara-negara seperti Korea, China dan Indonesia, usaha sedang giat dijalankan untuk menerap isu-isu mengenai standard dalam sistem pendidikan** pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan juga di universiti. Saya berharap usaha yang serupa dapat digerak dan ditingkatkan di Malaysia.

19. Melangkah ke hadapan, **Standards Malaysia dalam tempoh RMKe-11 akan memberi tumpuan kepada penggunaan standard dengan mengembangkan skop *National Standards Compliance Programme (NSCP)* ke arah pematuhan kepada standard-standard produk.** Lebih banyak ruang kerjasama akan dijalin bersama agensi-agensi yang berkaitan untuk meningkatkan penggunaan standard di kalangan sektor awam dan swasta. Ini meliputi aktiviti-aktiviti meningkatkan kesedaran dan pembangunan serta kapasiti pematuhan standard. Skop pembangunan standard juga akan meliputi standard-standard *indigenous* yang menyokong aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan dan inovasi (R&D&C&I) dalam sektor-sektor utama RMKe-11.

Hadirin sekalian,

20. MOSTI menyambut baik keputusan **ISO General Assembly di Seoul, Korea baru-baru ini yang bersetuju meneruskan perkhidmatan ISO Regional Office di Singapura** yang telah ditubuhkan sebagai projek perintis pada tahun 2013. Jika sebelum ini, banyak kursus dan latihan diadakan di ibu pejabat ISO di Geneva, penubuhan ISO Regional Office telah menyaksikan peningkatan bilangan program di rantau ini, khususnya ASEAN. Oleh itu, saya menyeru agar **Standards Malaysia serta Kementerian dan Agensi memanfaatkan kemudahan ini dengan menghantar lebih ramai pegawai menyertai program anjuran ISO Regional Office.**

21. Mengakhiri ucapan, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan semua mengambil bahagian secara aktif sepanjang Bengkel ini berlangsung. MOSTI, khususnya Standards Malaysia mengalu-alukan pandangan dan maklum balas semua *stakeholders* supaya hasil Bengkel ini dapat membantu merangka satu Pelan Tindakan yang bersesuaian untuk melengkap dan menambahbaik ekosistem penggunaan dan pematuhan standard di Malaysia.

22. Dengan harapan Bengkel ini berjaya mencapai objektifnya, saya bagi pihak YB Datuk Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, dengan sukacitanya merasmikan **BENKEL PENGGUNAAN STANDARD BERSAMA KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN PUSAT SERTA PERSATUAN PERDAGANGAN.**

Sekian, terima kasih.

###